

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
DI MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN KEBANGSAAN
MENGENAI "ISU-ISU KEGANASAN TERHADAP WANITA:
PENCEGAHAN DAN PENDIDIKAN"
DI DEWAN UKTAMAR, PUSAT ISLAM, KUALA LUMPUR
PADA HARI KHAMIS, 3 DISEMBER 1987
PUKUL 9.00 PAGI

Bismillahirrahmannirrahim;

Yang Berhormat Dato Megat Junid bin Megat
Ayub

Timbalan Menteri Dalam Negeri

Yang Berhormat Dato Dr. Siti Zaharah

bte Haji Sulaiman

Timbalan Menteri di Jabatan

Perdana Menteri

selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengelola

Dif-dif Kehormat

Puan-puan dan tuan-tuan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakahtuh

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya bersama dengan puan-puan dan tuan-tuan pada pagi ini untuk merasmikan Persidangan Kebangsaan Mengenai Isu-Isu Keganasan Terhadap Wanita: Pencegahan dan Pendidikan.

2. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Majlis Penasihat Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) dan Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA) diatas usaha mereka mengadakan Persidangan Kebangsaan mengenai Isu-isu Keganasan Terhadap Wanita ini. Usaha sedemikian amat digalakkan memandangkan kejadian keganasan terhadap wanita telah meningkat saban hari dan ini

...telah/-

telah mendapat perhatian masyarakat. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pengelola yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan persidangna ini.

3. Saya berasa gembira melihat ramai peserta dari jabatan-jabatan Kerajaan serta pertubuhan-pertubuhan sukarela di dewan yang mulia ini yang akan berbincang selama tiga hari untuk merangka strategi-strategi bagaimana pencegahan dan pendidikan mengenai isu-isu keganasan terhadap wanita boleh diperluaskan dan merangkumi semua lapisan masyarakat.

...Puan-puan/-

Puan-puan dan tuan-tuan

4. Keganasan terhadap wanita ialah satu penyakit sosial yang sebelum ini jarang di perkatakan. Kini bilangan kes yang terdapat daripada pihak polis dan hospital semakin meningkat tahun demi tahun. Sama ada ini disebabkan oleh lebih laporan dibuat oleh mangsa keganasan atau oleh ahli keluarganya kepada pihak polis, ataupun ini menunjukkan bahawa masalah keganasan terhadap wanita telah bertambah perlulah dikaji dengan lebih mendalam untuk mengetahui kedudukan sebenarnya.

5. Kita sering membaca peristiwa mengenai keganasan terhadap wanita melalui

...akhbar-akhbar/-

akhbar-akhbar tempatan. Setiap kejadian ini dicatatkan sebagai satu kes dalam buku laporan polis ataupun hospital. Walau bagaimanapun kita perlulah sedar bahawa kepada mangsa setiap kejadian ini, samada ianya seorang wanita atau kanak-kanak, kecederaan ini akan dirasainya sepanjang hayatnya dari segi fizikal, mental dan emosi.

6. Kajian telah menunjukkan bahawa seseorang mangsa keganasan itu tidak dapat melupakan pengalamannya, malahan pengalaman itu sentiasa di dalam fikiran mangsa itu dan mengganggu kehidupan sehariannya seperti perasaan takut, tidak dapat tidur dan makan dengan selesa, tidak dapat belajar atau bekerja, dan sering mangsa itu mengasingkan

...dirinya/-

dirinya daripada masyarakat. Akibat jangka panjang pun ternyata dan ramai mangsa-mangsa ini tidak dapat mendirikan rumah tangga dalam keadaan yang biasa dan aman kerana perasaan "salah" atau "guilt". Akibat kecederaan ini juga ada mangsa yang terbabit dalam kegiatan-kegiatan maksiat dan penagihan dadah sebagai langkah mengatasi penderitaan mereka.

7. Pada hemat saya keganasan terhadap wanita adalah suatu perkara yang amat berat dan perlu diberi perhatian serious oleh setiap individu. Kita perlu menyedari bahawa keganasan ini boleh terjadi kepada setiap wanita dengan tidak mengira umur, kaum dan taraf sosio ekonomi. Ia boleh berlaku di

...mana-mana/-

mana-mana tempat dan pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu sebagai wanita, kita mestilah sentiasa berwaspada dan melindungi diri kita dari bahaya yang mungkin kita tidak menyedari atau menjangkakan.

Para hadirin sekalian,

8. Gambaran keganasan terhadap wanita di negara ini menunjukkan bahawa kebanyakan mangsa terdiri dari golongan remaja yang berumur 14 tahun ke atas dan kejadian ini dilakukan oleh orang-orang yang dikenali mereka sebagai kenalan biasa ataupun kenalan baru. Keadaan yang amat membimbangkan sekarang ialah laporan-laporan yang kita baca dalam akhbar mengenai keganasan terhadap

...kanak-kanak/-

kanak-kanak kecil yang semakin meningkat. Perbuatan kejam seperti ini pernah dilakukan terhadap bayi yang baru berusia beberapa bulan dan juga kepada kanak-kanak kecil yang belum bersekolah ataupun dalam sekolah rendah. Biasanya keganasan terhadap kanak-kanak kecil ini dilakukan oleh ahli keluarga dan saudara mara sendiri ataupun oleh jiran sekampung.

9. Soalan yang timbul difikiran kita ialah mengapa kanak-kanak kecil boleh menjadi mangsa keganasan? Jika kita menganalisa watak orang-orang yang melakukan keganasan ini kita dapati kebanyakan mereka terdiri dari orang-orang yang kelihatan normal tetapi mempunyai watak yang suka menunjukkan

...kekuasaannya/-

kekuasaannya terhadap wanita atau kanak-kanak yang dianggap sebagai golongan lemah. Mereka ini tidak menghormati wanita malahan berasa megah dan angkuh kerana dapat menguasai wanita sebagai mangsanya. Ada juga yang melakukan keganasan ini kerana tidak dapat mengawali perasaan diri dari marah dan dendam, dan golongan inilah yang biasanya melakukan jenayah iaitu pembunuhan selepas melakukan keganasan.

10. Baru-baru ini kita telah baca mengenai beberapa orang kanak kecil yang telah dibunuh setelah menjadi mangsa keganasan. Laporan ini telah menarik perhatian orang ramai dan pertubuhan-pertubuhan wanita seperti NCWO telah mendesak pihak berkuasa supaya

...menggubal/-

menggubal undang-undang untuk melindungi wanita daripada keganasan, dan memperketatkan penguatkuasaannya. Namun begitu, masalah ini tidak boleh dikawal tanpa kegiatan-kegiatan pencegahan dan pendidikan yang perlu dititikberatkan sebagai usaha jangka panjang.

11. Usaha-usaha untuk membentuk strategi pencegahan amat sukar dibuat kerana kita tidak ada gambaran yang tertentu yang boleh digunakan sebagai panduan. Keadaan setiap kes berbeza-beza dan punca-punca kejadian ini perlu dikaji dengan teliti supaya kita dapat menggunakannya sebagai bahan pengajaran. Daripada apa yang diketahui, sebilangan besar kejadian-kejadian ini boleh dielak jika wanita sentiasa mengawasi diri mereka sendiri

...dan/-

dan elakkan daripada amalan yang boleh membawa kepada bahaya seperti berjalan berseorangan di tempat terlindung, mengikut orang yang tidak atau baharu dikenali, dan mempercayai kepada orang yang dikenali lama.

12. Daripada maklumat yang ada, adalah jelas bahawa golongan remaja dan kanak-kanak kecil sering menjadi sasaran kepada penganas-penganas masyarakat. Sebagai ibu bapa dan ahli keluarga, kita mestilah mengawasi gerak-geri anak-anak atau adik-adik kita kerana lebih dari 40% kejadian berlaku di antara gadis remaja yang ada hubungan dengan kaum lelaki. Pada lazimnya kejadian keganasan dilakukan oleh orang yang dikenali oleh mangsa itu. Kejadian-kejadian seperti

...ini/-

ini tidak dilaporkan oleh kerana mangsa serta keluarganya berasa malu dan biasanya laporan dibuat lewat mungkin oleh sebab gadis itu mengandung. Para hadirin sekalian

13. Keharmonian dan keamanan rumah tangga merupakan satu faktor yang amat penting dalam pembesaran anak-anak kita. Gadis-gadis yang terlibat dalam keganasan sering datang dari keluarga yang kucar-kacir dimana hubungan di antara kaum keluarga adalah renggang, tiada kemesraan dan kasih sayang ataupun saling hormat-menghormati di antara ahli-ahli keluarga. Anak-anak rasa terbiar dan tiada tempat mengadu dan lama kelamaan mereka cenderung kepada pergaulan dan pengaruh rakan-rakan sebaya.

...Saya/-

14. Saya ingin mengingatkan para hadirin betapa pentingnya unit keluarga dalam masyarakat kita dan perlunya kita memupuk hubungan yang erat dan mesra di kalangan ahli-ahli keluarga kita supaya mereka tidak terpengaruh dengan amalan-amalan yang tidak diingini. Sebagai ibu bapa kita haruslah mendidik anak-anak kita dari awal lagi dengan pendidikan moral dan keagamaan dan menasihati mereka cara-cara pergaulan yang sihat untuk melengkapkan diri mereka apabila dewasa kelak.

15. Saya juga ingin menyeru kepada ibubapa dan ahli-ahli keluarga supaya mengawasi anak-anak kecil dengan rapi. Kanak-kanak kecil merupakan 30% daripada mangsa-mangsa

...keganasan/-

keganasan. Mereka menjadi mangsa kerana mudah mengikuti jiran-jiran atau orang-orang sekampung yang dikenali. Mereka tidak mengetahui bahaya atau pun menyedari apa yang dilakukan kepada diri mereka sehingga wujud tanda-tanda fizikal atau gangguan emosi.

16. Perhubungan dan pergaulan yang sihat di antara ahli-ahli keluarga amatlah penting kerana keganasan juga dilakukan oleh ahli-ahli keluarga sendiri khasnya bapa tiri, bapa saudara atau pun abang tiri. Perkara ini perlulah kita menyedari supaya dapat kita elakkan kejadian ini berlaku dalam keluarga kita sendiri, Kejadian seperti ini akan mencederakan bukan sahaja anak itu tetapi semua ahli keluarga terutamanya ibu sendiri

...dan lazimnya/-

dan lazimnya ini akan membawa kepada suasana yang lebih tegang dalam keluarga itu. Ini menunjukkan bahawa pendidikan hendaklah ditujukan kepada kesemua ahli keluarga supaya dapat diwujudkan satu keluarga yang bahagia, bertanggungjawab, saling menghormati dan penuh kasih sayang.

Puan-puan dan tuan-tuan

17. Kita tidak boleh nafikan bahawa masalah ini adalah suatu masalah yang rumit dan kompleks dan langkah-langkah pencegahan amatlah sukar. Marilah kita mengemblingkan tenaga ke arah meningkatkan kesedaran dan pengetahuan kepada orangramai mengenai masalah ini supaya kejadian-kejadian

...keganasan/-

keganasan dapat dikurangkan. Kita mestilah bersikap positif. Setiap ahli keluarga boleh mendidik keluarganya sendiri serta jirannya supaya segenap lapisan masyarakat dapat menyedari akan masalah ini. Marilah kita bermula dengan keluarga kita sendiri. Tentukan bahawa keluarga kita aman, bahagia, sihat, mesra dan berdisiplin. Tanggungjawab menghapuskan keganasan berada dalam tangan kita sendiri sebagai ibubapa, ahli keluarga dan masyarakat. Marilah kita bersama memulakan pendidikan ini secara bersepadu supaya dapat kita bersama mengurangkan penderitaan dan keganasan terhadap kanak-kanak dan wanita di negara kita.

...Pendidikan/-

18. Pendidikan kanak-kanak sekolah lelaki dan perempuan, dan peranan media massa adalah bidang-bidang sokongan yang penting dalam memajukan usaha kita ini. Kearah ini, saya berharap usaha yang dimulakan di persidangan ini dapat diteruskan dan dimajukan oleh setiap peserta dari agensi kerajaan, sektor swasta ataupun pertubuhan sukarela kerana ini adalah tanggungjawab kita bersama.

19. Saya percaya persidangan ini akan membuat syor-syor bagaimana aktiviti-aktiviti pendidikan dan penerangan dapat dipertingkatkan. Semoga persidangan ini akan memberi manfaat kepada kita semua bagi mengurangkan kejadian keganasan terhadap wanita di negara ini.

...Atas/-

20. Atas nama Allah Subhanahuwataala saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Kebangsaan Mengenai Isu-Isu Keganasan Terhadap Wanita: Pencegahan dan pendidikan pada pagi ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

